

Perak negeri pertama perkenal kiosk pemeriksaan kesihatan sendiri berasaskan AI

Utama Amirrul Rabbani Rashid July 6, 2026

IPOH – Perak mengorak langkah ke hadapan apabila menjadi negeri pertama yang mewujudkan kiosk pemeriksaan kesihatan secara sendiri untuk orang ramai dengan menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI). [Destinasi Pelancong](#)

Projek rintis Kios Kesihatan Pintar 'Sihat AI' yang ditempatkan di Perak Techo-Trade Centre, Meru Raya di sini itu merupakan usaha yang digerakkan kerajaan negeri menerusi Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) dengan kerjasama Syarikat Centre of Excellence for Extended Reality Technology Sdn. Bhd. (COEXRT AI).

Exco Komunikasi, Multimedia Dan Pertubuhan Bukan Kerajaan Negeri Perak, Mohd Azlan Helmi Helmi berkata, projek rintis yang berlangsung selama enam bulan itu disifatkan sebagai inisiatif serampang dua mata yang memberi manfaat kepada rakyat dan negeri.




Exco Komunikasi, Multimedia dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Perak, Mohd Azlan Helmi Helmi (tengah) ketika sidang media pada Majlis Peluncuran Sihat AI Smart Health Kiosk di Perak Techno Trade Centre (PTTC), Bandar Meru Raya, Ipoh, pada Isnin. Foto ANIQ NABILAFIQ ANUAR, 06 JULAI 2026.

Katanya, melalui usaha itu ia dapat membantu dalam rakyat mendapatkan perkhidmat pemeriksaan kesihatan dengan lebih mudah di samping dapat mengurangkan masalah kesesakan di hospital dan klinik kesihatan. [Rujukan](#)

"Paling utama adalah kita dapat mengumpulkan data-data kesihatan rakyat yang penting untuk kerajaan negeri yang mana misalnya, kita dapat mengesan jumlah penghidap penyakit diabetes di sesuatu kawasan dan sebagainya.

"Selain akan diintegrasikan dengan Perak Integrated Command Center (PINOC) kelak, data yang diperoleh membantu kerajaan negeri dalam merangka perancangan-perancangan untuk langkah intervensi berkaitan kesihatan kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas Majlis Peluncuran Smart Health Kiosk Sihat AI yang dirasmikan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad di Perak Techno-Trade Centre, di Meru Raya di sini, pada Isnin.



Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad ketika gimik pelancaran Sihat AI Smart Health Kiosk di Perak Techno Trade Centre (PTTC), Bandar Meru Raya, Ipoh, pada Isnin. Foto ANIQ NABILAFIQ ANUAR, 06 JULAI 2026.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Datuk Ahmad Suaidi Abdul Rahim; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPK), Datuk Redza Rafiq Abdul Razak, Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak, Mohd Suhaimi Mohamad Tahir serta Pengerusi COEXRT AI, Datuk Seri Dr Sk Devamany. [Destinasi Pelancong](#)

Sihat AI merupakan kiosk pusat saringan kesihatan sendiri yang menggabungkan teknologi pintar serta AI dan kepakaran perubatan bagi memudahkan orang awam mendapatkan penilaian kesihatan secara lebih mudah dan pantas.

Platform berkenaan akan mengumpul dan menganalisis hasil ujian saringan kesihatan asas yang dijalankan pengguna untuk mengenal pasti trend kesihatan, indikator risiko serta memberikan cadangan kesihatan berasaskan kepada rekod yang diberikan.



[Rujukan](#)

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad meninjau kiosk saringan kesihatan ketika hadir pada Majlis Peluncuran Sihat AI Smart Health Kiosk di Perak Techno Trade Centre (PTTC), Bandar Meru Raya, Ipoh, pada Isnin. Foto ANIQ NABILAFIQ ANUAR, 06 JULAI 2026. Mengulas lanjut Mohd Azlan berkata, keseluruhan ekosistem Kios Sihat AI mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) dengan data kesihatan pengguna dilindungi melalui sistem keselamatan digital yang ketat.

"Projek rintis ini juga akan turut dibantu oleh PKNPK yang mana sekiranya ia mendapat sambutan menggalakkan daripada kakitangan Perak Techno-Trade Centre dan penduduk sekitar, kita akan melihat potensi untuk diperluaskan ke daerah lain termasuk di kawasan luar bandar," katanya.

Terdahulu Mohd Suhaimi ketika berucap pada majlis berkata, pembangunan Sihat AI bukan sekadar menyediakan kemudahan pemeriksaan kesihatan kepada masyarakat, ia juga dilihat kepada usaha mewujudkan ekosistem kesihatan pintar yang membantu kerajaan negeri membuat keputusan tepat berasaskan fakta.



Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak, Mohamad Suhaimi Mohamad Tahir berucap pada Majlis Peluncuran Sihat AI Smart Health Kiosk di Perak Techno Trade Centre (PTTC), Bandar Meru Raya, Ipoh, pada Isnin. Foto ANIQ NABILAFIQ ANUAR, 06 JULAI 2026.

Kata beliau, antara jenis pemeriksaan yang boleh dilakukan di kiosk berkenaan adalah tekanan darah, kadar denyutan jantung, indeks jisim badan (BMI), tahap oksigen dalam darah, penilaian risiko kesihatan awal dan sebagainya. [Rujukan](#)

"Pembangunan platform ini juga mengambil kira aspek pematuhan dan tadbir urus yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan serta mendapat sokongan dan kerjasama yang baik daripada Jabatan Kesihatan Negeri Perak," ujarinya.



Kiosk saringan kesihatan Sihat AI di Perak Techno Trade Centre (PTTC), Bandar Meru Raya, Ipoh, pada Isnin. Foto ANIQ NABILAFIQ ANUAR, 06 JULAI 2026.

Pada majlis turut berlangsung pertukaran Memorandum Persefahaman (MOU) antara Digital Perak dengan Jabatan Kesihatan Negeri dan Menteri Besar Incorporated (MB Inc.). [Teknologi Perusahaan](#)

MOU dengan Jabatan Kesihatan Negeri sebagai usaha memperkukuh agenda kesihatan digital negeri sementara MOU bersama MB Inc bagi meneroka pelaksanaan Kios Sihat AI secara berfasa.



Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara Digital Perak Corporation Holdings dan COEXRT AI pada Majlis Peluncuran Sihat AI Smart Health Kiosk di Perak Techno Trade Centre (PTTC), Bandar Meru Raya, Ipoh, pada Isnin. Foto ANIQ NABILAFIQ ANUAR, 06 JULAI 2026.

Selain itu juga berlangsung sesi pertukaran Memorandum Perjanjian (MOA) antara Digital Perak dan COEXRT AI sebagai komitmen strategik dalam memacu pembangunan Ekosistem Kesihatan Pintar Perak. – MG Perak Teknologi Perusahaan

Artikel Berkaitan:

[Mesyuarat MeDI dijangka bincang perincian kerangka AI di Perak](#)

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL

- Facebook : [MG Perak](#)
- X : [MG Perak](#)
- Instagram : [MG Perak](#)
- Youtube : [MG Perak](#)
- TikTok : [MG Perak](#)
- Threads : [MG Perak](#)

